



## **TEKS UCAPAN ALU- ALUAN**

**YANG BERUSAHA  
Ts. DR. WAN ISMAHANISA BINTI ISMAIL  
KETUA PUSAT PENGAJIAN  
FAKULTI SAINS KESIHATAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN  
PULAU PINANG**

**SEMPENA**

**“MAJLIS PERASMIAN PROGRAM  
INTERNATIONAL COMMUNITY SERVICE  
COLLABORATION DI ANTARA UiTMCPP,  
MALAYSIA DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA,  
UNAIR, INDONESIA”**

**DI**

**BILIK MESYUARAT UTAMA,  
UiTMCPP KAMPUS BERTAM**

**PADA**

**8 JANUARI 2024 / 26 JAMADIL  
AKHIR 1445H (ISNIN)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَحْمَمِينَ.

## TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

- 1. Yang Berusaha Profesor Madya Ts. Dr. Basharudin Bin Abdul Hadi**  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
- 2. Yang Berusaha Encik Amir Heberd Bin Abdullah**  
Penolong Rektor Kampus Bertam
- 3. Yang Berusaha Dr. Dwi Wahyu Indriati, SS.I, Ph.D**  
*Coordinator of the Medical Laboratory Study Program,  
UNAIR*
- 4. Yang Berusaha Puan Nur Septia Handayani, S.K.M,  
M.P.H**  
*Lecturer of Medical Laboratory Technology Study  
Program, UNAIR*
- 5. Yang Berusaha Puan Estu Meilani**  
*Lecturer of Physiotherapy Study Program, UNAIR*
- 6. Yang Berusaha Puan Melya Rossa**  
*Lecturer of Physiotherapy Study Program, UNAIR*
- 7. Yang Berusaha Tn Hj Ahmad Faizar Bin Jaafar**  
Timbalan Ketua Pustakawan
- 8. Yang Berusaha Puan Nurkamarusyani Binti Mohd**

**Zain**  
Timbalan Bendahari

9. Yang Berusaha Barisan Pengurusan Kanan UiTM  
Cawangan Pulau Pinang serta Barisan  
Jawatankuasa Penganjur Majlis Perasmian Program  
*International Community Service Collaboration*

10. Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
dihormati sekalian

Assalamualaikum W.R.T  
Salam Malaysia Madani  
Salam UiTM Dihatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد  
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم  
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد  
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, kita panjangkan **kesyukuran** ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya dapat kita berkumpul pada pagi yang bahagia ini untuk bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Program International Community Service Collaboration** di antara UiTMCPP, Malaysia dan Universitas Airlangga, UNAIR, Indonesia.
2. Program ini merupakan **acara sulung program antarabangsa bagi tahun 2024** di Kampus Bertam. **Selamat Tahun Baharu 2024** saya ucapkan buat semua yang berada dalam majlis ini. Semoga tahun ini kita diberi nikmat kesihatan, keselamatan dan rezeki yang berkat serta segala impian dan hajat yang diimpikan dapat direalisasikan.
3. Setinggi-tinggi **penghargaan** buat semua delegasi UNAIR yang terdiri daripada 4 orang dosen dan 20

orang pelajar dari program makmal perubatan dan fisioterapi, fakultas vokasi UNAIR. **Selamat datang ke UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam.** Kita akan menantikan pula kehadiran delegasi dari Kesihatan awam, UNAIR yang akan bertandang di Kampus Bertam pada bulan Mei 2024 akan datang, bersama-sama delegasi dari Universitas Muhammadiyah, Malang, Indonesia.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

4. Hari ini kita menerima kehadiran delegasi UNAIR ke Program ***International Community Service Collaboration, ICSC*** di Kampus Bertam. Maka, pihak UiTM juga akan melakukan lawatan balas ke sana dengan membawa seramai 20 orang pensyarah dan 5 orang pelajar bagi menghadiri program ***From Earth restoration to health empowerment: Enhancing Coastal Health through ecological approach (ECOHAP) 2024*** pada 20 hingga 26 Februari dan sehingga 1 Mac buat para pelajar UiTM.
5. Pelbagai **program khidmat masyarakat** telah dirancang di antara kedua-dua belah pihak untuk

mencapai objektif program terutama yang manfaat kepada **komuniti setempat, mahasiswa UiTM, para pelajar sekolah, golongan warga emas dan juga berkeperluan khas**. Antara pengisian program ICSC 2024 ialah pengajaran kolaboratif, program saintis muda, mini carnival, mendaki bukit birut, riadah bersama pelajar sekolah, pembersihan pantai, dan menjelajah bandar warisan Georgetown.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

6. Pihak UiTMCPP khususnya Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Kampus Bertam amat berharap agar semua program yang dirancang akan **berjalan dengan lancar dan mencapai semua objektif**. Diharapkan jaringan kerjasama antara UiTM dan UNAIR akan terus utuh dan memberikan manfaat kepada semua yang terlibat.
7. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa ICSC 2024 dan ECOHAP 2024 yang telah **mengembangkan tenaga dan berkongsi idea** sejak tahun lepas lagi untuk menzahirkan program pada hari ini, dan seterusnya bulan Februari dan Mei akan datang. Saya berharap agar ukhuwah yang terjalin ini

terus kukuh dan diperkasakan di masa hadapan.

## PENUTUP

8. Mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada majlis tertinggi UiTM dan barisan pengurusan kanan UiTM Cawangan Pulau Pinang yang telah memberi kelulusan dan sokongan untuk menjayakan program kolaborasi khidmat masyarakat antarabangsa tahun 2024.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, terima kasih.